

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE-3, TAHUN 2016**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

SOALAN : 27

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyediakan dana khas dalam membantu penerbit-penerbit filem tempatan untuk menghasilkan filem yang lebih berkualiti.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah mewujudkan Dana Pembangunan (Development Fund) di bawah Content Malaysia Pitching Centre yang ditadbir urus oleh FINAS sejak tahun 2015 bagi menggalakkan pengeluaran filem-filem yang berkualiti dan bagus. Dengan adanya Dana ini, ianya dapat memberikan peluang kepada penggiat penggiat seni untuk berkarya dan menghasilkan skrip filem yang lebih berkualiti dan bermutu. Hasrat Dana Pembangunan ini untuk melahirkan penulis-penulis tempatan yang berkualiti dan memberi kemudahan untuk mereka berkarya dengan lebih berkesan. Dana ini juga memberikan ruang yang selesa kepada pembikin filem untuk membuat

penyelidikan tentang subjek filem mereka serta membolehkan pembangunan skrip yang lebih mantap sebelum proses penerbitan dilakukan.

Sebagai makluman, fungsi Content Malaysia Pitching Centre (CMPC) adalah untuk membangunkan industri kandungan tempatan untuk lebih berdaya saing di peringkat global serta dapat menyumbang kepada pendapatan negara. Secara keseluruhannya CMPC adalah berperanan seperti berikut:-

- (i) khidmat nasihat profesional bagi projek industri khususnya pembangunan skrip dan penerbitan
- (ii) suntikan dana bagi penerbitan, pemasaran, kerjasama produksi, mikro dan PSA bagi industri kandungan
- (iii) geran latihan melalui Creative Industry Lifelong Learning Program (CILL); dan
- (iv) menyediakan jaringan pemasaran antarabangsa untuk produk kandungan tempatan bersama pengedar global.

Dana yang disediakan terdiri daripada Dana Mikro, Dana Pembangunan, Dana Produksi, Dana Pemasaran, Dana Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA) dan Dana Produksi Bersama. Sehingga kini sebanyak 304 buah projek terdiri daripada filem cereka, dokumentari, filem pendek, animasi, khidmat pesanan awam (PSA) dan lain-lain telah mendapat manfaat

daripada penyediaan dana ini dengan sebanyak 6,677 peluang pekerjaan telah diwujudkan dimana 74.2% pemohon geran adalah terdiri daripada usahawan industri kreatif Bumiputera.

CMPC telah membantu seramai 235 orang penggiat seni melalui latihan seperti *Pitching Clinic* dan *Storytelling Clinic* yang disediakan di CMPC dengan sebanyak 87 buah skrip telah dibangunkan dan berpotensi untuk dipasarkan. Manakala sebanyak 145 video makro (video pendek) telah dihasilkan dengan jumlah tontonan purata melebihi 2,000 tontonan di Youtube.

Kementerian optimis melalui usaha seperti penubuhan CMPC ianya akan menyemarakkan lagi pembangunan industri filem tempatan dan sekaligus pengeluaran filem-filem yang berkualiti serta bagus akan lebih meningkat.